

## **FUNGSI DAN PERANAN ESSCOM DALAM MENJAMIN KESELAMATAN SABAH: Satu Perbandingan Persepsi antara Komuniti 'Luar' dan Komuniti ESSZONE<sup>1</sup>**

**Ramli Dollah & Mohd Zambri Suharani**

[ramlid@ums.edu.my](mailto:ramlid@ums.edu.my)

*Makalah ini bertitik tolak daripada persoalan metodologi dan epistemologi dalam memahami persoalan keselamatan di negeri Sabah melalui penubuhan ESSCOM. Bagi mengatasi masalah ini, penulis cuba memberikan alternatif baru mengenai persoalan ini dengan menjelaskan isu ini daripada kacamata penduduk di lapangan. Dengan kata lain, makalah ini cuba untuk melihat persepsi komuniti di kawasan terpinggir dan kurang merupakan mendapat tempat di media massa dan media eltronik. Untuk tujuan tersebut, makalah ini melihat perbandingan persepsi 'orang luar' dan juga penduduk di Pantai Timur Sabah (atau dikenali sebagai komuniti ESSZONE) terhadap penubuhan dan fungsi ESSCOM dalam menjamin keselamatan penduduk terutamanya di wilayah ESSZONE. Makalah memfokuskan kepada beberapa kawasan di gugusan Felda Sahabat, Lahad Datu yang meliputi beberapa kawasan seperti Felda Sahabat, Lok Buani dan Tambisan. Makalah ini melihat bahawa ESSCOM ditubuhkan untuk menjamin keselamatan penduduk dalam komuniti ESSZONE. Oleh itu, apapun persepsi yang wujud mengenai penubuhan ESSCOM, makalah ini melihat ianya perlu dilihat dari perspektif 'orang dalam' iaitu komuniti ESSZONE sendiri. Makalah mendapati bahawa penubuhan ESSCOM adalah sangat penting dalam menjamin keselamatan penduduk di kawasan terbabit. Persepsi ini berbeza dengan persepsi sebahagian masyarakat luar yang melihat penubuhan ESSCOM sebagai satu 'pembaziran', 'projek gajah putih' dan 'patut dibubarkan'. Dalam menyiapkan makalah ini, kombinasi kaedah temubual dan borang soal selidik sebagai sumber utama dalam mendapatkan data di samping kaedah penyelidikan arkib, internet dan perpustakaan digunakan bagi menyokong hujah yang dinyatakan.*

**Kata kunci:** ESSCOM, ESSZONE, keselamatan, Lahad Datu, komuniti, persepsi.

### **Pengenalan**

Sejak penubuhan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) pada tahun 2013, terdapat pelbagai persepsi dan pandangan penduduk ke atas penubuhan dan fungsi ESSCOM dalam menjamin keselamatan penduduk. Dengan jumlah perbelanjaan yang tinggi setiap tahun

---

<sup>1</sup> Makalah ini berdasarkan penelitian pasukan penyelidik Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui geran ERGS (ERGS0018-PK-1/2012) yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah bertajuk '*Masyarakat Sempadan dan Keselamatan Nasional*'. Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

diberikan kepada organisasi ini dan kegagalan ESSCOM dalam menyelesaikan beberapa masalah penculikan di kawasan terbabit, menyebabkan organisasi ini dilihat sebagai gagal berfungsi dan mencapai matlamat penubuhannya. Malahan terdapat kumpulan, terutamanya daripada masyarakat luar seperti ahli politik, warga internet atau masyarakat bandar yang melihat bahawa ESSCOM sebagai 'projek gajah putih' yang hanya merugikan negara kerana jumlah perbelanjaan yang besar terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk membiayai badan ini terutamanya dalam menangani masalah di kawasan *Eastern Sabah Security Zone* atau Zon Keselamatan Timur Sabah (ESSZONE). Namun bagi penulis, persepsi komuniti 'luar' ini tidak cukup dalam memahami ESSCOM kerana persepsi masyarakat dalam wilayah ESSZONE, di mana ESSCOM ini ditubuhkan juga perlu dilihat untuk memahami isu ini secara menyeluruh. Dalam hal ini penulis mendapati bahawa pelaporan media di Malaysia kurang memberi perhatian kepada aspek masyarakat awam menyebabkan dalam dalam kes ESSCOM misalnya kurang laporan-laporan diberikan dalam melihat bagaimana penduduk di kawasan ESSZONE ini memberikan respon kepada kehadiran ESSCOM. Malahan dalam banyak keadaan, kebanyakan daripada laporan-laporan mengenai penubuhan dan keberkesanan ESSCOM lebih dilihat daripada kacamata masyarakat luar, terutamanya media cetak dan media sosial, ahli-ahli politik, ahli akademik, dan sebagainya yang dilihat lebih dominan dan berautoriti dalam menjelaskan isu ini. Oleh itu, penulis meletakkan kajian ini sebagai 'nota dari lapangan' yang menilai sendiri pengalaman dan persepsi penduduk mengenai penubuhan dan keberkesanan ESSCOM dalam menjamin keselamatan negeri Sabah. Namun, pengkaji turut mengakui bahawa wujudnya limitasi dalam menyiapkan makalah ini kerana beberapa halangan yang tidak dapat dielakkan termasuk kesukaran menemubual penduduk-penduduk di kawasan terbabit, masalah *accessibility* terutamanya dalam kalangan penduduk, kawasan yang terlibat dan pegawai utama ESSCOM serta beberapa masalah lain.

Untuk tujuan tersebut, makalah ini membincangkan mengenai persepsi dalam kalangan komuniti 'luar' dan komuniti ESSZONE terhadap fungsi dan peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan di kawasan terbabit daripada ancaman luar. Bagi memudahkan perbincangan, makalah ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama, melihat mengenai permasalahan metodologi dan epistemologi dalam memahami persepsi di Malaysia; kedua, melihat mengenai latar belakang ESSCOM dan ESSZONE; ketiga, melihat persepsi penubuhan serta fungsi dan peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan negeri Sabah terutamanya dalam

kalangan komuniti 'luar'; keempat, melihat persepsi dalam kalangan komuniti ESSZONE terhadap peranan dan fungsi ESSCOM dan akhir sekali kesimpulan.

### **Persepsi dan Politik Malaysia**

Secara umumnya, persepsi boleh dikatakan sebagai pandangan individu terhadap persekitaran yang didorong oleh persekitarannya. Dengan kata lain, persepsi adalah pandangan berdasarkan apa yang dilihat terhadap persekitaran dan juga pengalaman individu tersebut terhadap sesuatu isu.<sup>2</sup> Selain itu, persepsi juga didefinisikan sebagai gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (melalui pancaindera) atau tanggapan ke atas sesuatu isu.<sup>3</sup> Dalam kajian mengenai persepsi, ia cuba menjelaskan bagaimana individu mempunyai pandangan yang berbeza ke atas sesuatu peristiwa atau keadaan yang mungkin sama. Sesuatu yang baik bagi seseorang tidak semestinya baik bagi individu lain. Keadaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor misalnya faktor individu yang memberikan penilaian tersebut, objek atau individu yang dinilai dan situasi semasa atau konteks yang berlaku semasa penilaian tersebut dibuat.<sup>4</sup> Dengan kata lain, persepsi merupakan sesuatu yang tidak pasti kebenarannya kerana satu perkara/isu yang sama tidak semestinya dinilai dengan persepsi yang sama bagi setiap individu. Misalnya, kehadiran pendatang di Malaysia dan beberapa negara lain di seluruh dunia sering dilihat sebagai satu masalah yang besar dalam negara. Namun, di satu sudut lain, terdapat juga negara misalnya di UAE di mana walaupun jumlah pendatang di negara tersebut lebih ramai daripada penduduk tempatan, namun pendatang tidak pernah dilihat sebagai masalah kepada negara tersebut. Hal yang sama juga berlaku kepada persepsi masyarakat Amerika ke atas kehadiran pendatang di negara terbabit di mana pendatang tidak dilihat sebagai masalah kerana Amerika sendiri merupakan sebuah negara yang dibangunkan dan terdiri daripada kumpulan pendatang.<sup>5</sup>

Dalam kajian antarabangsa misalnya, Walt menghujahkan terdapat empat faktor yang mempengaruhi persepsi sesebuah negara. Ini termasuklah faktor kedekatan, kuasa, bentuk

---

<sup>2</sup> Liana Amin, *Persepsi Masyarakat Terhadap Dominasi Gender dalam Bidang Perhubungan Awam*, (Latihan Ilmiah, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2008), hlm. 11.

<sup>3</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), hlm.1025.

<sup>4</sup> Rashidah Binti Kalipunya, *Persepsi Penduduk Bandar raya Kota Kinabalu Terhadap Kempen Kitar Semula*, (Latihan Ilmiah, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007), hlm. 9.

<sup>5</sup> Myron Weiner, "Security, Stability, and International Migration", *International Security*, Vol. 17(3), (1992-1993), hlm. 91-126 dan Martin Heisler and Zig Layton-Henry, 'Migration and the links between social and societal security' in Ole Wæver, et. al, (Eds.) *Identity, Migration and the New Security Agenda in Europe*, (London: Pinter, 1993)

ancaman, dan jumlah ancaman tersebut. Buzan seterusnya menghujahkan bahawa ia juga dipengaruhi oleh faktor sejarah dan juga ideologi.<sup>6</sup> Walaupun kajian-kajian ini lebih melihat kepada persepsi dalam politik antarabangsa, namun ia mampu untuk dijadikan sebagai salah satu asas penting dalam memahami persepsi di peringkat domestik. Untuk tujuan tersebut, makalah ini berhujah bahawa persepsi adalah satu tindakan atau reaksi memilih, mengurus dan mentafsir sesuatu peristiwa atau keadaan di persekitaran manusia berdasarkan rangsangan yang diterima hasil daripada pengalaman, pengetahuan, dan persekitaran di sekeliling mereka.

Dalam konteks politik Malaysia pada hari ini, pengukuran persepsi sangat penting dalam memahami penerimaan sesuatu dasar dan polisi yang dijalankan oleh kerajaan. Malahan dalam banyak keadaan, persepsi ini kelak akan dijadikan ukuran dalam menilai sama ada sesuatu dasar tersebut diterima oleh masyarakat umum atau tidak. Masalah yang berlaku dalam menilai persepsi ini adalah berkait dengan persoalan metodologi (siapa kumpulan sasar sesuatu isu tersebut) dan persoalan epistemologi (bagaimana isu ini perlu difahami). Masalah persoalan metodologi dalam makalah ini merujuk kepada bagaimana pemilihan responden dalam memahami sesuatu isu tersebut. Antara persoalan-persoalan utama dalam hal ini adalah siapakah responden yang paling sesuai dalam memahami isu ini. Misalnya dalam memahami mengenai persoalan masyarakat Melayu di negara ini, adakah seorang pengkaji perlu bertanya kepada orang Melayu? Atau mungkin masyarakat Cina atau India?. Hal yang sama turut berlaku dalam memahami isu ESSCOM dimana persoalan utamanaya adalah siapakah responden utama yang perlu dinilai, adakah penduduk ESSZONE atau pemerhati dari luar. Manakala persoalan epistemologi dalam kajian ini lebih melihat bagaimana isu tersebut difahami. Adakah ia hanya dinilai berdasarkan kepada persoalan material atau objektiviti semata-mata ataupun perlunya penilaian mengenai aspek politik, sosial dan juga moral.

Lanjutan daripada itu, makalah ini akan memfokuskan kepada dua kumpulan sasar utama iaitu; kumpulan pertama, masyarakat luar atau yang disebut sebagai 'orang luar' di dalam kajian ini. Mereka ini merujuk kepada ahli politik, warga akademik, warga internet atau masyarakat bandar yang menjadi pemerhati kepada keadaan yang berlaku di kawasan ini serta polisi-polisi yang dikaitkan dengan penubuhan ESSCOM. Kumpulan ini mewakili kumpulan yang penting dalam memahami isu ini secara luaran kerana 'wacana hegemoni' mereka mampu mempengaruhi pembuat dasar dan masyarakat secara umumnya. Kumpulan ini sangat penting

---

<sup>6</sup> Barry Buzan, *People, States and Fear: An Agenda for International Security Studies in the Post-Cold War Era*, 2<sup>nd</sup> Edition, (Boulder: Lynne Rienner, 1991); Stephen Walt, *The Origins of Alliance* (Ithaca, NY: Cornell University Press, 1987)

dalam politik Malaysia kerana mereka merupakan kumpulan yang banyak mendapat liputan media. Dalam hal ini, penulis berhujah bahawa kumpulan ini memahami isu ini melalui pendekatan *materialism (positivist dan objectiviti)* kerana perkiraan mereka berkenaan kejayaan atau kegagalan banyak didasarkan kepada perkiraan material (berapa jumlah yang dibelanjakan oleh kerajaan, berapa peratus perbelanjaan kepada ESSCOM daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan negara) dan juga berdasarkan kepada korelasi yang melihat hubungan perbelanjaan dan insiden yang berlaku. Kumpulan kedua dalam kajian ini dirujuk sebagai 'orang dalam' atau komuniti ESSZONE. Kumpulan kedua ini kurang mendapat perhatian massa kerana kedudukan mereka yang agak terpinggir. Oleh itu, walaupun ESSCOM ditubuhkan untuk mereka, namun pandangan kumpulan ini kurang diberikan penekanan dalam menilai keberkesanaan ESSCOM. Disebabkan oleh faktor ekonomi dan tahap pendidikan, kumpulan ini kurang peka (atau tidak ingin mengambil tahu) mengenai jumlah perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh ESSCOM kerana bagi mereka keselamatan merupakan isu utama. Bagi kumpulan ini, tinggi atau rendahnya kejadian penculikan atau ancaman merentas sempadan tidak dapat diukur dengan jumlah wang yang dibelanjakan kerana 'perasaan' selamat (atau tidak selamat) tersebut tidak dapat diukur dengan material, tetapi dilihat berdasarkan kepada bagaimana penduduk mempersepsikan keadaan ini.

Pentingnya memahami pandangan kedua-dua kumpulan ini kerana berdasarkan kepada laporan-laporan media mengenai ESSCOM, terutamanya di media-media sosial (akan dibincangkan di bawah), ESSCOM sering dikritik sebagai satu institusi yang gagal dalam menjalankan tugasnya dalam menjamin keselamatan negara. Namun, dalam hal ini, penulis melihat bahawa ESSCOM diwujudkan untuk memenuhi keperluan keselamatan kepada komuniti ESSZONE. Oleh itu, adalah sukar menilai pandangan-pandangan ini tanpa melihat realiti sebenar dan persepsi, pandangan atau pendapat komuniti ESSZONE terhadap fungsi, peranan dan keberkesanan ESSCOM dalam menjamin keselamatan negeri Sabah. Makalah ini melihat bahawa persepsi dalam kalangan komuniti ESSZONE merupakan elemen yang perlu diberikan perhatian khusus dalam menilai keberkesanan fungsi dan peranan ESSCOM dalam menangani isu keselamatan yang berlaku di kawasan pantai timur Sabah. Namun, bagi melihat persepsi mengenai ESSCOM ini daripada sudut yang menyeluruh, makalah ini akan melihat perbandingan persepsi masyarakat mengenai fungsi dan peranan ESSCOM dalam menajmin keselamatan terutamanya dalam kalangan komuniti 'luar' dan juga komuniti ESSZONE sendiri.



## **Penubuhan ESSCOM dan langkah memperkasa ESSZONE**

Lanjutan daripada peristiwa pencerobohan Tanduo, pada 7 Mac 2013, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, semasa lawatannya ke Lahad Datu, mengiyistahirkan Kawasan Pantai Timur Sabah sebagai 'Kawasan Keselamatan Khas' (SSA - *Special Security Area*). Seterusnya dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah, Musa Aman pada 11 Mac menyetujui untuk menukarkan nama SSA kepada *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM).<sup>7</sup> ESSCOM yang berpusat di Lahad Datu ini menjadi merupakan pusat kepada kawasan operasi pembersihan saki-baki pengganas Sulu yang menceroboh Sabah sejak 12 Februari 2013. Selepas insiden Tanduo, ESSCOM bertanggungjawab mengkoordinasi operasi, pengumpulan maklumat risikan, pengendalian aset-aset keselamatan, pengurusan anggota-anggota keselamatan dan memastikan kawasan perairan Sabah selamat dari ancaman luar.<sup>8</sup> ESSCOM mengabungkan beberapa agensi keselamatan di bawah satu payung. Antara agensi yang terlibat adalah seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kastam diraja Malaysia dan Imigresen yang diletak di bawah satu pentadbiran dan arahan pusat yang sama.

Lanjutan daripada penubuhan ESSCOM yang dilihat bakal memberikan jaminan keselamatan kepada penduduk di kawasan pantai Timur Sabah, maka pada 25 Mac 2013, Perdana Menteri Najib Tun Razak, dalam ucapannya di Pusat Latihan Polis (Pulapol) sempena peringatan Hari Polis ke-206 di Kuala Lumpur, mengumumkan pewujudan Zon Selamat Sabah Timur atau *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) yang meliputi 10 daerah di Pantai Timur Sabah.<sup>9</sup> Antara kawasan yang terlibat dalam ESSZONE ini meliputi daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Penduduk dan masyarakat yang berada dalam wilayah ESSZONE ini dikenali sebagai komuniti ESSZONE.<sup>10</sup> Kewujudan wilayah ESSZONE selaras dengan situasi perairan pantai timur Sabah yang terdedah dengan ancaman keselamatan yang wujud dari kawasan selatan Filipina. Ini dijelaskan sendiri oleh Penglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin pada tahun 2013 yang menyatakan bahawa '*Accusations that ESSCOM and ESSZONE were created for*

---

<sup>7</sup> "Security area to be called 'Esscom'", *Borneo Post*, 12 March 2013

<sup>8</sup> "ESSZONE dan ESSCOM", *ESSCOM Times*,

<sup>9</sup> "ESSZONE dan ESSCOM", *ESSCOM Times*,

<sup>10</sup> Untuk keterangan lanjut mengenai latarbelakang dan keluasan wilayah ESSZONE ini, lihat James Collins, Ramli Dollah & Zaini Othman, "Pengaruh Persekitaran Fizikal Geografi Terhadap Keterancaman Persempadanan Pantai Timur Sabah", manuskrip yang tidak diterbitkan, 2014


*political interests are very counter-productive. Its main objectives are to ensure security and protect the interests of the people*.<sup>11</sup> Rajah di bawah menunjukkan kawasan-kawasan di Pantai Timur Sabah yang terlibat dalam pengawalan ESSCOM.

---

<sup>11</sup> "ESSCOM, ESSZONE not a vote-fishing scheme", *The Borneo Insider*, 3 Apr. 2013



### Rajah: Kedudukan Pantai Timur Sabah



Sumber: James Collins, Ramli Dollah & Zaini Othman, "Pengaruh Persekitaran Fizikal Geografi Terhadap Keterancaman Persempadanan Pantai Timur Sabah", manuskrip yang belum diterbitkan, 2014

Bagi memastikan kejayaan ESSCOM, kerajaan menggariskan beberapa perkara penting yang perlu diambil untuk memastikan kejayaan organisasi tersebut dalam mencapai matlamatnya. Pada April 2013 misalnya, Najib menggariskan empat perkara penting bagi memastikan kelangsungan dan kejayaan ESSCOM dalam memberikan perlindungan kepada komuniti ESSZONE. Empat elemen tersebut adalah pertama, meningkatkan kemampuan perisikan; kedua, pemantauan pengawalan pantai untuk 24-jam sehari; ketiga, meningkatkan kemampuan negara untuk memintas sebarang ancaman dari laut dan keempat, penguatkuasaan undang-undang yang ketat dengan tindakan pantas ke atas ancaman tersebut.<sup>12</sup>

Selain itu, untuk tujuan memperkasakan ESSCOM dan keselamatan di wilayah ESSZONE, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan. Dalam bajet 2014 misalnya, ESSCOM mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM75 juta bagi tujuan pengurusan dan RM2.4 juta untuk membeli peralatan dan kelengkapan pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Manakala dalam bajet tahun 2015, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM17.7 billion ringgit untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sementara sebanyak RM9.1 billion ringgit diperuntukkan untuk Polis Diraja Malaysia. Sejumlah RM804 juta juga diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi mengukuhkan penguatkuasaan maritim.<sup>13</sup> Selain itu, dalam Bajet 2015 juga kerajaan telah memperuntukkan RM660 juta untuk menubuhkan dua batalion baru iaitu Kem Batalion PGA PDRM akan ditubuhkan kawasan ESSZONE iaitu di Beluran, Sandakan dan Kem batalion Tentera Darat akan ditubuhkan di FELDA Sahabat.<sup>14</sup> Di samping itu, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM230 juta untuk menggunakan satu pelantar minyak yang diubahsuai dan sebuah kapal *auxiliary* sebagai *Sea basing* di perairan ESSZONE melalui program tanggungjawab sosial atau *CSR* Petronas. Sebagai tambahan, untuk membolehkan pesawat berkeupayaan tinggi mendarat, kerajaan akan memanjangkan landasan lapangan terbang di Lahad Datu dan perpindahan Skuadron Hawk dari Butterworth ke Labuan dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Isu dana atau belanjawan untuk ESSCOM ini menjadi semakin sensasi apabila insiden penculikan terus berlaku di wilayah ESSZONE walaupun beberapa usaha telah dilakukan untuk memperkasakan ESSCOM. Pada 15 November 2013 misalnya, Hsu Li Min, 57 tahun seorang pelancong dari Taiwan telah ditemui mati dengan dua kesan tembakan di dadanya di pusat peranginan di Pulau Pom-Pom, Semporna. Manakala teman wanitanya, Chang An

---

<sup>12</sup> "Najib on 4 aspects Esscom cannot compromise on", *Daily Express*, 14 Apr. 2013

<sup>13</sup> Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Ucapan Bajet Tahun 2015, (*Dewan Rakyat*, 10 Oktober 2014), hlm.51

<sup>14</sup> Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Ucapan Bajet Tahun 2015, hlm. 34.

Wei, 58 tahun telah diculik dan dijadikan tebusan kumpulan penculik yang dipercayai dari selatan Filipina. Chang kemudiannya dibebaskan pada bulan Disember selepas sejumlah wang tebusan dibayar kepada penculik.<sup>15</sup> Akhbar Taiwan menganggarkan bahawa sejumlah RM80,000 (12 juta Peso atau 8 juta *Taiwan dollars*) wang tebusan telah dibayar kepada penculik.<sup>16</sup> Kemudiannya pada 2 April 2014, berlaku satu lagi kes penculikan yang membabitkan Gao Huayun, pelancong dari negara China dan seorang pekerja Filipina, Marcy Dayawan diculik sekumpulan tujuh lelaki bersenjata di resort Singamata, Semporna. Keadaan ini tidak tamat di situ sahaja kerana kes penculikan terus berlaku di kawasan ESSZONE walaupun berlakunya peningkatan kelengkapan dan belanjawan oleh kerajaan untuk memperkasakan ESSCOM. Pada 7 Mei 2014 misalnya, Yang Zailin, seorang warganegara China yang merupakan pengurus penternakan ikan di pulau Baik, Lahad Datu dilarikan sekumpulan lima lelaki bersenjata dipercayai dibawa ke selatan Filipina.<sup>17</sup>

Pada 16 Jun, kumpulan bersenjata ini menyerang ladang ikan di Kampung Sapang, Kunak dan menculik pengurus syarikat, Chan Sai Chuin, 32.<sup>18</sup> Lebih membimbangkan apabila, bukan sahaja pelancong yang menjadi tawanan kumpulan ini, tetapi juga para pegawai polis turut menjadi mangsa kepada kumpulan bersenjata ini. Misalnya pada 12 Julai 2014, Koprak Ab Rajah Jamuan ditembak mati manakala rakan sejawatnya Konstabel Zakiah Aleip, diculik dari pusat peranginan di *Mabul Water Bungalows Resort*, Semporna. Lanjutan daripada peristiwa tersebut, kerajaan bertindak mengenakan perintah berkurung di enam kawasan perairan di pantai timur Sabah ini bagi mengekang kehadiran kumpulan bersenjata seperti ini. Perintah berkurung yang berlangsung di kawasan perairan ESSZONE ini telah berlangsung sejak 19 Julai 2014 yang bermatlamat untuk membolehkan pihak berkuasa mengawal kawasan ini secara lebih ketat bagi mengelakkan berlakunya penculikan di kawasan terbabit.<sup>19</sup>

## **Persepsi Masyarakat 'Luar' Tentang penubuhan dan Keberkesanan ESSCOM**

---

<sup>15</sup> "Satu Lagi Kes Penculikan Berlaku di Kawasan Pantai Timur Sabah", *Astro Awani*, 29 Sept. 2014. Lihat juga "Penculikan di pantai timur Sabah: Muhyiddin kecewa dah labur RM300 juta pada ESSCOM, keselamatan Sabah masih terancam," *Harian Metro*, 29 September 2014.

<sup>16</sup> "Taiwan Media: Chang An-wei's Family Paid RM800,000 Ransom", *The Rakyat Post*, 21 Dec 2014, <http://www.therakyatpost.com>

<sup>17</sup> "Zahid: Foreign vessels to follow designated routes off east coast of Sabah", *The Star*, 07 May 2014

<sup>18</sup> Gao dan Dayawan dibebaskan pada 30 Mei Makala Yang dibebaskan pada 9 Julai July 9, kedua-duanya di Jolo. Chan dibebaskan pada 10 Disember.

<sup>19</sup> Sehingga artikel ini ditulis, perintah berkurung dari pukul 7 petang hingga ke 6 pagi yang diumumkan untuk setiap 2 minggu ini telah memasuki fasa yang ke-10 dan akan dilanjutkan sehingga 9 Januari 2015. Muguntan Vanar, "Esszone curfew extended till Jan 9", *The Star*, 24 Dec. 2014

Semasa pengumuman mengenai penubuhan ESSCOM, ramai pihak menyambut baik cadangan penubuhannya dalam menjamin keselamatan komuniti ESSZONE. Hal ini kerana, selepas peristiwa Tanduo pada tahun 2013, keperluan terhadap keselamatan di Sabah dilihat sangat mendesak. Perkara ini dipersetujui oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Lahad Datu, Datu Nasrun Datu Mansur yang berkata kehadiran pasukan keselamatan di Lahad Datu akan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keselamatan mereka.<sup>20</sup> Malahan hal yang sama turut diakui oleh pemangku Pesuruhjaya Tinggi Britain di Malaysia, Ray Kyles pada September 2014 yang melihat penubuhan ESSCOM merupakan langkah bijak kerajaan Malaysia dalam berhadapan dengan ancaman luar.<sup>21</sup> Hal yang sama turut diakui oleh beberapa penduduk yang ditemubual di Lahad Datu, lokasi kejadian insiden Tanduo. Salah seorang daripada individu yang ditemubual adalah Tuara Mol (60 tahun) menyatakan bahawa semenjak pencerobohan pada 2013, kehidupan penduduk di Lahad Datu tidak lagi tenteram. Setiap hari mereka merasa tidak selesa dan rasa bimbang akan keselamatan mereka. Oleh itu, perasaan bimbang ini dapat dikurangkan sekurang-kurangnya melalui kehadiran anggota keselamatan dan tentera di kawasan terbabit.

Namun, pandangan Tuara ini mungkin tidak dikongsi oleh ramai pihak terutamanya oleh penduduk-penduduk yang bukan berasal dari kawasan ini. Dalam tulisan ini, kumpulan tersebut dikenali sebagai 'orang luar'. Dalam hal ini, terdapat sesetengah pihak luar ini yang melihat penubuhan ESSCOM ini sebagai sesuatu yang tidak perlu, satu pembaziran dan tidak efektif. Persepsi seperti ini adalah jelas dalam kalangan penduduk yang mendiami kawasan bandar, komuniti internet, ahli politik dan sebagainya. Sesetengah pihak melihat bahawa ESSCOM hanyalah merupakan langkah jangka pendek untuk menjamin keselamatan negeri Sabah.<sup>22</sup> Pandangan ini diasaskan kepada andaian bahawa dari aspek ekonomi di mana kehadiran pasukan keselamatan terutamanya di kawasan pelancongan adalah petanda yang tidak baik berkenaan keselamatan di kawasan tersebut. In jelas terutamanya apabila berlakunya penurunan jumlah pelancong di negeri Sabah, terutamanya di kawasan pantai timur Sabah akibat daripada insiden penculikan di kawasan ini.<sup>23</sup>

Akibatnya ESSCOM dikritik sebagai satu kegagalan dalam menguruskan keselamatan negara. Pada November 2013, pengerusi *State Reform Party* (STAR), Jeffrey Kitingan ketika mengkritik penubuhan ESSCOM ini berhujah bahawa ESSCOM sebagai satu institusi keselamatan yang tidak efektif. Beliau berkata

---

<sup>20</sup> ESSCOM, *Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah*, Buletin Esscom, April-Oktober 2013, (Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan, 2013).

<sup>21</sup> "Penubuhan ESSCOM langkah bijak", *Utusan*, 24 Sept. 2014

<sup>22</sup> "ESSZONE kurang baik untuk jangka panjang", *Harian Express*, 13 April 2013

<sup>23</sup> "Backpackers Operators Association also slams Nazri", *Borneo Post*, 21 Nov. 2014

*'With the creation of Esscom, the placement of seven battalions, the government is saying we are very secure, (but) where is the security? ... It shows that this measure taken has not been effective.'*<sup>24</sup>

Sementara itu, ahli parlimen Penampang, Sabah dari PKR, Darell Leiking menyatakan bahawa kegagalan mengekang isu penculikan ini menyebabkan penubuhan ESSCOM dianggap sebagai *'total failure'* dalam menjamin keselamatan penduduk di kawasan terbabit.<sup>25</sup>

Dalam masa yang sama, Lim Guang Eng, Menteri Besar Pulau Pinang merangkap Setiausaha Agung DAP menyatakan bahawa kegagalan mengekang beberapa siri insiden penculikan di Pantai Timur Sabah merupakan kegagalan besar kerajaan dan kegagalan ESSCOM sebagai badan yang dipertanggungjawabkan mempertahankan negara ini. Menurut beliau,

*'No amount of damage control or spinning by the Barisan Nasional government can hide the fact that Esscom's attempts at maintaining security have failed miserably.'*<sup>26</sup>

Selain itu, lanjutan daripada insiden yang berlaku pada April 2014, beberapa orang ahli Parlimen misalnya Jimmy Wong Sze Pin, ahli parlimen Kota Kinabalu dan ahli Parlimen Sandakan, Stephen Wong Tien Fatt dalam satu kenyataan bersama di parlimen menyatakan bagaimana ESSCOM ini sebagai satu kegagalan kepada negara dalam menjamin keselamatan nasional Malaysia. Menurut mereka;

*'... with such a huge allocation how come ESSCOM failed, again? ... an armed men easily enter Sabah borders, kidnap hostages and leave without being noticed? ... How come Malaysian security units did not notice the offensive approach of these armed men? ... .... If the sovereignty of Sabah is easily challenged and offended despite the existence of ESSCOM then it means ESSCOM's entire security has failed... We cannot accept these repeated kidnapping incidents and it clearly shows the credibility of ESSCOM is highly doubtful.'*<sup>27</sup>

Dalam masa yang sama, Chan Foong Hin, Timbalan Pengerusi DAP Sabah & wakil rakyat Sri Tanjong mengkritik perbelanjaan besar oleh kerajaan melalui penubuhan ESSCOM

---

<sup>24</sup> "Sabah foreign intrusion proves failure of Putrajaya's security zone, opposition says", *The Malay Mail*, 16 Nov. 2013

<sup>25</sup> "Sabah foreign intrusion proves failure of Putrajaya's security zone, opposition says",

<sup>26</sup> "Sabah security zone failed, so seek UN's help, Putrajaya told", *The Malaysian Insider*, 19 Nov. 2013

<sup>27</sup> "ESSCOM failed, DG must go", *The Free Malaysia Today*, 3 April 2014

sebagai satu kegagalan besar negara dalam menjaga dan menjamin keselamatan dan kedaulatan negara,

*'A total of RM286 million has been allocated in previous budget as announced by PM, Datuk Seri Najib Razak, and 62 checkpoints are said to be upgraded but what finally demonstrated to the public and international society is, total failure of ESSCOM.'*<sup>28</sup>

Seterusnya Lim Kit Siang, pengerusi DAP semasa membidas kelemahan ESSCOM lanjutan daripada penculikan warga asing di Pulau Singgahmata, Semporna menyatakan bahawa agensi keselamatan yang menelan belanja beratus juta ringgit ini perlu ditutup kerana gagal dalam mencapai matlamat penbuhanannya. Menurut beliau,

*'The Esscom might as well close down if after the Malaysian taxpayers spending RM300 million on it, all it could do is to admit that it is 'powerless' following the abduction of two women from a resort off Semporna on Wednesday.... Sabah and Malaysia do not need a RM300 million 'white elephant'.'*<sup>29</sup>

Hal yang sama turut dikongsi oleh ahli parlimen DAP Sandakan, Stephen Wong Tien Fatt yang mengkritik penubuhan ESSCOM. Beliau berhujah,

*'... walaupun diberi peruntukan RM200 juta, disuntik tambahan RM75 juta dalam ajet 2014 dan RM11 juta untuk baik pulih 65 pos keselamatan, namun tidak ada sebarang perubahan berlaku. Jika berterusan begini, saya cadang ia ditutup saja.'*<sup>30</sup>

Selain itu, empat ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) iaitu Lim Kit Siang, Jimmy Wong (DAP - Kota Kinabalu), Stephen Wong (DAP - Sandakan) dan Laksamana Pertama (Bersara) Mohamad Imran Abdul Hamid (PKR - Lumut) melihat penubuhan ESSCOM sebagai 'gajah putih' lanjutan daripada kegagalan mengawal masalah yang berlaku di kawasan tersebut.<sup>31</sup> Bukan setakat itu, terdapat juga ahli-ahli Parlimen BN yang menentang dan meminta agar ESSCOM ini dibubarkan kerana gagal dalam misinya mempertahankan keselamatan negeri Sabah.<sup>32</sup> Ghapur Salleh, ahli parlimen Kalabakan misalnya menyatakan ESSCOM juga perlu dibubarkan kerana ianya tidak mampu menangani masalah pencerobohan di perairan negeri

---

<sup>28</sup> "Media statement by Chan Foong Hin in Semporna on Thursday", *DAP Malaysia*, <http://dapmalaysia.org/>, 3rd April 2014

<sup>29</sup> "Esscom really a toothless tiger?", *The Malaysian Insider*, 6 April 2014

<sup>30</sup> "Pencerobohan makin serius di perairan Sabah, ESSCOM terbukti gagal", *Rocketkini.com*, 8 April 2014

<sup>31</sup> "Kit Siang, Pakatan trio to probe into effectiveness of Sabah maritime force", *The Malaysian Insider*, 15 Apr. 2014

<sup>32</sup> Lihat misalnya kekecewaan yang ditunjukkan oleh TPM, Muhyiddin Yassin apabila mengula mengenai insiden penculikan yang berterusan di kawasan ini. "TPM kecewa ESSCOM belum mampu kekang penculikan", *Borneo Post*, 08 Mei 2014

itu. Menurut beliau, 'ESSCOM ini tidak sukses. Jadi saya cadangkan kepada Perdana Menteri agar bubarkan ESSCOM'.<sup>33</sup> Hal yang sama turut diutarakan oleh Datuk Marsidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah yang melihat kerajaan perlu menilai semula peranan dan fungsi ESSCOM bagi memastikan badan ini dapat menangani masalah keselamatan negeri Sabah dengan lebih berkesan.<sup>34</sup> Selain itu, Ketua Pemuda Pusat MCA, Chong Sin Woon, dalam kenyataan media beliau pada Mei 2014 turut mengecam ESSCOM dan mencadangkan agar institusi ini 'ditutup' kerana gagal dalam mengekang kes penculikan di kawasan ini.<sup>35</sup> Manakala pada Julai 2014, Lajim Ukin, seorang lagi wakil rakyat PKR Sabah turut menyatakan bahawa kejadian penculikan yang berulang memberikan gambaran bahawa ESSCOM gagal berfungsi dan mencapai matlamat penubuhannya.<sup>36</sup>

Bukan setakat itu, persepsi seperti ini juga turut dikongsi terutamanya dalam kalangan komuniti internet yang rata-ratanya mempersoalkan keberkesanan dan kemampuan ESSCOM dalam menangani masalah yang berlaku. Dalam ruangan komentar di beberapa laporan mengenai insiden penculikan yang berlaku di kawasan ESSZONE ini, menunjukkan dengan jelas akan kekecewaan para pembaca terhadap dasar-dasar dan strategi yang diambil oleh ESSCOM dalam menangani masalah penculikan di wilayah ESSZONE ini. Pelbagai pandangan boleh dilihat dalam hal ini antaranya yang melihat ESSCOM sebagai 'satu kegagalan', 'perlu ditutup', 'pembaziran wang negara', '*inappropriate and incapable*' serta beberapa gambaran lain untuk menunjukkan kegagalan ESSCOM dalam menjamin keselamatan negara. Gambar di bawah merupakan sebahagian daripada komentar-komentar yang diberikan oleh para pembaca di ruangan maya, akhbar-akhbar atas talian dan laporan atas talian mengenai isu ini.

---

<sup>33</sup> Hasbullah Awang Chik, "Ahli Parlimen BN Sabah desak Esscom dibubarkan", *The Malaysian Insider*, 07 April 2014 dan Nazri Abdullah "Ghafur desak Junaidi letak jawatan, bubar Esscom", *Harakahdaily*, 07 April 2014

<sup>34</sup> "Patriotisme mampu peringkat keselamatan Sabah", *Berita Harian*, 10 Mei 2014

<sup>35</sup> Chong Sin Woon, "Press Statement by MCA National Youth Chief YB Chong Sin Woon slam abductions in Sabah", <http://www.mca.org.my/>, 7 May 2014

<sup>36</sup> "People questioning ESSCOM's effectiveness - Lajim", *Borneo Post*, 17 July 2014

### Gambar: Komentar Mengenai Penubuhan ESSCOM



The image shows a screenshot of four Facebook comments. Each comment includes a profile picture, the user's name, their status (e.g., 'Top Commenter'), the text of the comment, and interaction options like 'Reply', 'Like', and 'Follow Post'.

**Paul Moran** · ★ Top Commenter  
Mana sdh SOP ESSCOM yg dilaung2kan.....?? Berchakap bukan main lagi security round the clock 24 hrs. ESSCOM failed & Visit Malaysia 2014 failed.  
Reply · Like · 5 · Follow Post · April 3 at 4:52pm

**Banker Lee** · ★ Top Commenter · K G V Seremban  
OMG where are the soldeirs ???Very bad publicity for Sabah. Send Kinabatangan monkeys better with big mouths  
Reply · Like · 5 · Follow Post · April 3 at 3:45pm

**Lee Heng Choon** · ★ Top Commenter  
Rm 286 millions for ESSCOM?? Another waste of public funds! Taxpayers need to pay again.  
Reply · Like · 5 · Follow Post · April 3 at 5:00pm

**Jinlong Hong**  
because they put an inappropriate and incapable person to lead the team.  
Reply · Like · 4 · Follow Post · April 3 at 3:40pm

Sumber: "ESSCOM failed, DG must go", *The Free Malaysia Today*, 3 April 2014

Keadaan yang sama turut boleh dilihat didalam ruangan komuniti maya *Facebook* yang menjadikan saluran ini sebagai ruang untuk mengkritik kerajaan dan ESSCOM. Pelbagai luahan, pandangan dan kritikan diberikan kepada ESSCOM dan majoritinya adalah bersifat negatif. Salah seorang pengguna facebook misalnya melihat ESSCOM adalah satu pembaziran dan menghabiskan duit rakyat. Luahan hati ini dapat dilihat dalam Gambar 1.



### Gambar: Luahan komuniti Internet yang melihat ESSCOM satu kegagalan



Sumber: 'Facebook', <https://facebook.com>

Oleh itu, jelas menunjukkan walaupun terdapat beberapa pihak 'luar' yang melihat kejayaan dan kemampuan ESSCOM dalam menguruskan keselamatan di Pantai Timur Sabah, namun majoriti daripada kumpulan ini melihat penubuhan ESSCOM sebagai satu kegagalan besar kepada negara. Ini kerana penubuhan ESSCOM dilihat gagal dalam mencapai matlamat untuk mengekang dan menghentikan aktiviti penculikan yang mengancam ketenteraman di kawasan ESSZONE. Ini menunjukkan bahawa dalam kalangan masyarakat luar ini, kegagalan ESSCOM dalam menangani masalah penculikan di negara ini merupakan satu kegagalan kepada badan tersebut dan ia turut merupakan kerugian bagi negara dalam menangani masalah yang berlaku di kawasan ini.

### Persepsi Komuniti ESSZONE Terhadap Penubuhan dan Fungsi ESSCOM

Berdasarkan kepada dapatan di atas didapati bahawa majoriti komuniti 'luar' ini melihat ESSCOM sebagai gagal dalam menjamin keselamatan negeri Sabah, terutamanya di wilayah ESSZONE. Namun, dapatan kajian di lapangan menunjukkan dapatan yang berbeza. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan di gugusan Felda Sahabat<sup>37</sup> yang meliputi

<sup>37</sup> Makalah ini merujuk Gugusan Felda Sahabat sebagai kawasan yang berada dalam kawasan Felda Sahabat dan kawasan-kawasan sekitarnya. Oleh itu, walaupun beberapa kampung di kawasan ini tidak termasuk dalam sektor perladangan yang dimiliki oleh Felda Sahabat, misalnya Tungku, Tambisan, Lok Buani, Tanduo dan beberapa

kawasan-kawasan seperti Felda Sahabat, Lok Buani, Tambisan dan kawasan-kawasan sekitarnya mendapati bahawa terdapat persepsi yang berbeza mengenai penubuhan ESSCOM dalam menjamin keselamatan penduduk di kawasan ini.<sup>38</sup> Jika persepsi 'orang luar' seperti yang ditunjukkan di atas melihat ESSCOM sebagai satu kegagalan kepada kerajaan dalam menguruskan keselamatan di wilayah ESSZONE, makalah ini mendapati bahawa majoriti penduduk di kawasan ini yakin bahawa penubuhan ESSCOM akan memberikan banyak kebaikan daripada keburukan terutamanya dalam memberikan jaminan keselamatan kepada penduduk di kawasan ini daripada ancaman luaran.

Makalah ini melihat bahawa perkara yang paling asas dalam menilai mengenai persepsi dalam kalangan komuniti ESSZONE di Lahad Datu adalah melalui pengetahuan mereka mengenai ESSCOM itu sendiri. Aspek pengetahuan mengenai ESSCOM adalah penting terhadap komuniti ESSZONE kerana ESSCOM ditubuhkan untuk masyarakat di kawasan ini. Oleh itu sebarang aktiviti yang dijalankan untuk kepentingan mereka, komuniti di kawasan ini sepatutnya menjadi kumpulan pertama yang perlu mengetahui mengenai perkara tersebut. Oleh itu, penulis melihat bahawa, kegagalan mereka memahami dan mengetahui hal ini akan menjadikan sebarang aktiviti yang dirancangan oleh kerajaan tersebut adalah sia-sia. Dengan kata lain, penubuhan ESSCOM hanya dilihat bermakna apabila penduduk di kawasan ini mengetahui mengenai fungsi dan peranan ESSCOM.

Secara amnya, persepsi komuniti di kawasan gugusan Felda Sahabat ini terhadap penubuhan dan fungsi ESSCOM dikumpul melalui borang soal selidik. Dalam hal ini, sebanyak 72 borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini. Di samping itu, beberapa siri temubual juga telah diadakan dengan penduduk bagi menyokong pandangan-pandangan yang diberikan mengenai persepsi mereka terhadap penubuhan dan fungsi ESSCOM. Responden yang dipilih berasal daripada tiga petempatan iaitu di petempatan FELDA Sahabat, Lok Buani dan Tambisan. Ketiga-tiga petempatan ini berada di Lahad Datu. Daripada 72 orang responden, sebanyak 75 peratus responden berasal dari petempatan FELDA Sahabat, 18.1 peratus dari Lok Buani dan 6.9 peratus dari Tambisan. Bagi aspek jantina, sebanyak 80.6 peratus responden yang ditemui adalah lelaki manakala sebanyak 19.4 peratus adalah wanita. Dari aspek kategori umur, sebanyak 31.9 peratus responden berumur kurang dari 30 tahun, 22.2 peratus responden berumur 31

---

kawasan lain, namun makalah ini akan menggunakan Gugusan Felda Sahabat untuk merujuk kawasan-kawasan ini.

<sup>38</sup> Gugusan Felda Sahabat ini merupakan kawasan di mana insiden pencerobohan Tanduo ini berlaku. Walaupun pengkaji turut melawat ke kawasan di mana berlakunya insiden Tanduo ini, namun lanjutan daripada peristiwa tersebut, penduduk-penduduk di kawasan ini telah dipindahkan oleh kerajaan (atau berpindah secara sukarela) ke kawasan-kawasan lain di sekitarnya. Malahan terdapat penempatan semula yang baru diwujudkan oleh kerajaan untuk menempatkan semula penduduk di kawasan yang lebih tersusun.

hingga 39 tahun, 26.4 peratus responden berumur 40 hingga 49 tahun dan 19.4 peratus responden berumur lebih dari 50 tahun.<sup>39</sup>

Dari sudut etnik, sebanyak 44.4 peratus responden terdiri daripada etnik Bajau, Suluk (11.1 peratus), Bugis (5.6 peratus), Dusun/Kadazan (6.9 peratus) dan 68.1 peratus terdiri daripada etnik-etnik lain. Dari aspek pekerjaan, sebanyak 40.3 peratus responden bekerja dalam sector kerajaan, 41.7 peratus bekerja sendiri dan 18.1 peratus tidak bekerja. Berkerja dalam sector kerajaan merujuk kepada sector perkilangan dan perladangan di syarikat FELDA. Bekerja sendiri pula meliputi aktiviti-aktiviti ekonomi dalam dalam sektor perikanan, perniagaan, mengusaha ladang dan pertanian. Manakala dari aspek pendapatan, 45.8 peratus responden berpendapatan kurang dari RM 1000, 48.6 peratus responden mempunyai pendapatan antara RM1000 hingga RM2000 dan hanya 5.6 peratus sahaja responden yang berpendapatan antara RM2000 hingga RM3000.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan di Lahad Datu ini, didapati bahawa sebanyak 72.22 peratus responden mengetahui mengenai penubuhan ESSCOM. Ini menunjukkan majoriti responden mengetahui mengenai pelaksanaan ESSCOM. Manakala sebanyak 27.78 peratus responden tidak pasti atau tidak pernah mendengar mengenai ESSCOM. Ini menunjukkan maklumat mengenai penubuhan ESSCOM masih belum sampai ke akar umbi. Selain itu, walaupun hakikatnya penduduk di kawasan ini mengetahui mengenai kehadiran pihak tentera, polis dan pihak berkuasa lain selepas insiden Tanduo, namun mereka melihat bahawa kehadiran penguatkuasa tersebut adalah sementara dan tidak akan kekal di kawasan terbabit.

Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa pandangan penduduk di kawasan terbabit mengenai harapan mereka terhadap penubuhan ESSCOM adalah sangat tinggi. Beberapa penduduk yang ditanya misalnya menyatakan mereka sangat-sangat memerlukan jaminan keselamatan seperti yang diberikan oleh ESSCOM. En. Saharani, generasi pertama peneroka Felda sendiri menyatakan beliau menjadi orang pertama yang akan 'membangkang' sekiranya terdapat pihak yang menyatakan bahawa ESSCOM gagal dalam mencapai matlamat penubuhannya. Beliau menyatakan bahawa masyarakat luar 'tidak faham akan trauma dan ketakutan penduduk di kawasan ini akibat daripada peristiwa Tanduo' sambil menyifatkan kehadiran ESSCOM sebagai 'satu rahmat dan memberikan semangat dan harapan baru' kepada penduduk di kawasan ini.<sup>40</sup> Hal yang sama turut

---

<sup>39</sup> Seperti yang diujahkan di atas, kesukaran untuk mengakses kawasan ini merupakan Antara halangan utama semasa menjalankan kajian ini.

<sup>40</sup> Temubual bersama En. Saharani, 8-14 September 2014.

dikongsi oleh beberapa orang penduduk di kawasan ini yang melihat tentang perlunya kehadiran pihak keselamatan di kawasan ini bagi menjamin keselamatan penduduk.

En, Markus, seorang peneroka Felda Sahabat apabila menggambarkan penubuhan ESSCOM sebagai sejarah kepada penduduk Felda kerana sepanjang beliau berada di kawasan ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Felda di mana kerajaan mengambil berat mengenai keselamatan penduduk di kawasan ini.<sup>41</sup> Malahan, En. Kamal, seorang pengusaha gerai makanan di kawasan ini menyatakan bahawa penduduk di kawasan ini kini bebas untuk bergerak tanpa wujudnya rasa bimbang yang keselamatan mereka akan diganggu.<sup>42</sup> Walau bagaimanapun, dalam kalangan komuniti nelayan terutamanya yang tinggal di Tambisan pulau<sup>43</sup>, majoritinya mempunyai persepsi yang agak berbeza dengan persepsi di kawasan-kawasan lain. Dalam hal ini mereka melihat bahawa penubuhan ESSCOM mengganggu aktiviti ekonomi penduduk di kawasan ini terutamanya apabila penduduk tidak dibenarkan untuk keluar menangkap ikan pada waktu malam. Beberapa orang penduduk yang ditemui di kawasan ini melihat bahawa walaupun ESSCOM penting kepada keselamatan penduduk di kawasan ini, namun aktiviti ekonomi penduduk yang menjadi 'periuk nasi' masyarakat kampung perlu menjadi prioriti utama. Ini kerana, akibat dasar-dasar yang diijalankan oleh ESSCOM, misalnya perintah berkurung menyebabkan kesukaran penduduk untuk 'mencari makan' kerana mereka tidak dibenarkan untuk bergerak ke laut lepas pada waktu malam. Akibatnya, walaupun ESSCOM dilihat sebagai penting dalam menjamin keselamatan, namun ia juga dilihat sebagai halangan kepada penduduk untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka sebagai nelayan dan dalam masa yang sama menyukarkan kehidupan penduduk di kawasan ini yang bergantung sepenuhnya kepada aktiviti kelautan.<sup>44</sup>

Di samping itu, walaupun majoriti daripada responden yang ditanya mengetahui mengenai penubuhan ESSCOM, namun daripada aspek kefahaman mereka mengenai organisasi ini adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Dalam hal ini, sejumlah 45.9 peratus responden yang ditanya menyatakan bahawa ESSCOM merupakan 'anggota keselamatan' (bukannya institusi) yang menjamin keselamatan wilayah ESSZONE. Namun, anggota keselamatan yang mereka nyatakan adalah pelbagai seperti anggota polis yang baru, anggota keselamatan yang baru, pengawal pantai, pengawal keselamatan dan lain-lain. Selain itu, sebanyak 22.4 peratus responden menyatakan bahawa peranan ESSCOM

---

<sup>41</sup> Temubual bersama En. Markus, 8-14 September 2014.

<sup>42</sup> Temubual bersama En. Kamal. 8-14 September 2014.

<sup>43</sup> Tambisan merupakan bahagian yang paling jauh sekali di gugusan Felda Sahabat ini. Ia merupakan sebuah kawasan yang terpencil dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Tambisan Darat dan Tambisan Pulau.

<sup>44</sup> Hj Ahmad, Temubual, 8-14 September 2014.

sebagai satu badan yang hanya akan menjaga keselamatan perairan Sabah sahaja dan tidak akan menjaga keselamatan di kawasan daratan. Berdasarkan kepada respon dan jawapan ini, jelas menunjukkan bahawa pengetahuan penduduk mengenai ESSCOM ini tidak mendalam. Ini kerana tahap pendidikan penduduk di kawasan ini yang relatifnya rendah menyebabkan mereka tidak mengetahui atau tidak berminat untuk mengetahui mengenai keadaan terbabit. Ini ditambah lagi dengan aktiviti ekonomi penduduk di kawasan ini yang majoritinya adalah tertumpu kepada aktiviti perladangan. Oleh itu, kehadiran ESSCOM dilihat tidak memberikan kesan kepada ekonomi penduduk di kawasan ini. Berbanding dengan kumpulan masyarakat yang tertumpu kepada aktiviti perikanan, masyarakat yang terlibat dalam aktiviti ekonomi ini tidak ingin mengetahui secara mendalam mengenai ESSCOM kerana ia tidak menyangkut dengan aktiviti ekonomi mereka.

Selepas berlakunya insiden Tanduo, kehadiran pihak berkuasa adalah sangat tinggi di kawasan ii. Malahan adalah menjadi perkara biasa di kawasan ini apabila melihat kehadiran kereta perisai, kereta kebal dan kelengkapan tentera di kawasan penduduk.<sup>45</sup> Oleh kerana jumlah kehadiran tentera dan pihak berkuasa lain di kawasan ini adalah sangat tinggi, maka kajian turut menumpukan kepada persepsi masyarakat penduduk terhadap kehadiran pihak berkuasa di kawasan mereka.

Penilaian terhadap persepsi kehadiran anggota keselamatan di kawasan responden adalah penting untuk menilai sejauh mana penerimaan responden terhadap penubuhan dan fungsi ESSCOM dalam menjamin keselamatan penduduk. Dapatan kajian mendapati bahawa hanya terdapat 7 peratus responden sahaja yang tidak bersetuju dengan kehadiran pihak tentera di kawasan mereka. Dengan kata lain lebih kurang 93.06 peratus responden bersetuju bahawa kehadiran pihak berkuasa di kawasan mereka ini banyak menimbulkan rasa selamat dalam kalangan penduduk. Mereka melihat bahawa kehadiran anggota keselamatan ini tidak menyusahkan penduduk disebabkan kehadiran anggota keselamatan tidak mengganggu aktiviti ekonomi penduduk di kawasan ini. Hal ini kerana, pekerjaan utama responden terdiri daripada yang bekerja kerajaan (40.3 peratus), bekerja sendiri (41.7 peratus) dan tidak bekerja (18.1 peratus). 'Bekerja kerajaan' merujuk kepada

---

<sup>45</sup> Dalam hal ini perlu diingat bahawa kehadiran tentera dan pihak berkuasa lain di sesebuah kawasan tidak bermakna kawasan tersebut akan selamat kerana persepsi penduduk terhadap kehadiran penguatkuasa ini mungkin berbeza antara satu dengan yang lain – ramai yang melihat kehadiran penguatkuasa sebagai wujudnya keadaan 'selamat' di sesebuah kawasan, tetapi terdapat juga penduduk yang melihat bahawa kehadiran penguatkuasa bermaksud kawasan tersebut 'tidak selamat'. Berdasarkan kehadiran pihak berkuasa dengan jumlah yang ramai di Kota Kinabalu semasa berlakunya insiden Tanduo pada 2013 misalnya menambahkan dan meningkatkan kebimbangan penduduk mengenai keselamatan mereka. Dalam hal ini penduduk mula merasakan bahawa wujud masalah keselamatan di kawasan terbabit. Malahan terdapat sesetengah penduduk yang ditemubual bertindak menyimpan stok beras dan minyak kerana bimbang keadaan ini akan membawa kepada masalah yang lebih besar.

perkilangan dan perladangan manakala bekerja sendiri pula adalah seperti terlibat dalam perikanan, mengusahakan ladang sendiri dan berniaga. Kajian turut mendapati bahawa aktiviti perladangan dan perkilangan tertumpu di petempatan FELDA dan Lok Buani. Manakala ekonomi utama di Tambisan adalah lebih kepada aktiviti perikanan. Kebanyakan aktiviti tentera seperti rondaan, latihan dan penguatkuasaan dikawasan responden tidak mengganggu aktiviti ekonomi responden. Hanya penduduk yang terlibat dengan aktiviti perikanan terjejas sedikit apabila perintah berkurung dilaksanakan.<sup>46</sup> Namun aktiviti perikanan masih boleh dijalankan dengan memohon permit daripada kerajaan.

Berdasarkan kepada respon yang diberikan oleh penduduk di kawasan ini turut mendapati bahawa kehadiran anggota keselamatan di kawasan ini adalah sangat penting. Sebanyak 91.66 peratus responden sangat mengharapkan kehadiran polis/tentera di kawasan terbabit kerana ia banyak membawa kebaikan kepada penduduk di kawasan ini. Kehadiran pihak berkuasa ini sangat diperlukan kerana pengalaman insiden pencerobohan Tanduo 2013 menyebabkan penduduk di kawasan ini berasa trauma jika peristiwa ini berulang semula. Selain itu, dari segi sejarahnya, wilayah gugusan Felda Sahabat merupakan 'kawasan hitam' sejak dahulu lagi kerana terkenal dengan aktiviti pelancongan yang seringkali menimbulkan ancaman keselamatan nyawa dan harta benda kepada penduduk di kawasan ini.<sup>47</sup> Sebagai contoh pada tahun 1992 apabila berlaku serangan di wilayah Dengan (salah satu kawasan yang berada di bawah gugusan Felda Sahabat) menyebabkan terdapat penduduk kampung yang kehilangan tangan akibat diserang oleh lanun atau Mundu ini.<sup>48</sup> Malahan, sejak tahun 1962 sehingga tahun 2014, kawasan perairan di wilayah Lahad Datu tidak pernah lekang dari ancaman keselamatan seperti rompakan, penyeludupan, masalah dadah, masalah warga asing, penculikan dan serangan lanun. Insiden pencerobohan di Tanduo pada tahun 2013 telah meninggalkan kesan trauma kepada penduduk di Tambisan, Lok Buani dan FELDA Sahabat. Perkara ini dipersetujui oleh Markus Sungkiam, salah seorang penduduk di kawasan ini yang ditemubual yang menyatakan kawasan gugusan Felda Sahabat suatu masa dahulu merupakan kawasan yang terkenal dengan aktiviti lanun atau mundu, terutamanya dari selatan Filipina. Malahan semasa berlakunya insiden

---

<sup>46</sup> Perintah berkurung ini dikuatkuasakan di enam daerah di pantai timur Sabah iaitu Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Kawasan yang terlibat adalah seluas 121,272 batu persegi bermula dari Tanjung Pundaras di Sandakan sehingga Jeti Tawau di Tawau. Rujuk "Polis Isytihar Perintah Berkurung di Enam Daerah ESSZONE", *ESSCOM Times*, [esscom.gov.my/](http://esscom.gov.my/) diakses pada 19.10.2014.

<sup>47</sup> Mohd Zambri bin Suharani, *Sejarah Komuniti Peneroka di FELDA Sahabat (1979-2010)*, (Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu, 2010) hlm.67

<sup>48</sup> Mohd Zambri bin Suharani, *Sejarah Komuniti Peneroka di FELDA Sahabat (1979-2010)*, hlm.68

pencerobohan Tanduo pada 2013, ramai penduduk yang menyangkakan bahawa ianya merupakan satu lagi serangan lanun di kawasan tersebut.<sup>49</sup>

Oleh itu, tidak menghairankan persepsi penduduk di kawasan ini yang melihat bahawa kehadiran pihak tentera di kawasan ini penting adalah kerana ia mampu mengurangkan kebimbangan insiden seperti pencerobohan Tanduo daripada berulang semula dan juga dalam masa yang sama ia mampu mengekang masalah-masalah lain seperti perlanunan, rompakan laut, membentras jenayah dan juga mengelakkan daripada berlakunya jenayah yang dilakukan oleh warga asing di kawasan ini. Hal ini kerana sebelum penubuhan ESSCOM, hanya terdapat sejumlah pos-pos kecil tentera dan polis yang terdapat di kawasan ini dan ia tidak efektif dalam menjamin keselamatan penduduk di kawasan ini. Lebih membimbangkan apabila anggota keselamatan atau polis bantuan Felda hanya dibekalkan *shotgun* yang tidak mempunyai peluru selain anggota Rela yang hanya terdiri daripada golongan warga tua yang hanya dibekalkan dengan cota.<sup>50</sup> Keadaan ini merupakan alasan utama kenapa penduduk di kawasan ini sangat memerlukan kepada kehadiran tentera dan pihak berkuasa lain di kawasan mereka.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ini juga mendapati bahawa walaupun kehadiran pihak berkuasa yang tinggi di kawasan ini melalui kehadiran ESSCOM, namun mereka melihat bahawa penubuhan ESSCOM ini tidak akan mampu mengatasi beberapa masalah penduduk di kawasan terbabit. Dalam hal ini, sebanyak 83.33 peratus responden menyatakan bahawa masalah pendatang asing sukar diselesaikan di kawasan mereka walaupun ESSCOM telah diwujudkan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden melihat ESSCOM di kawasan mereka masih sukar mengatasi masalah pendatang asing. Salah seorang responden menyatakan bahawa masa yang panjang diperlukan untuk mengatasi masalah pendatang ini kerana masalah ini telah lama wujud iaitu semasa pembukaan petempatan Felda Sahabat lagi. Pada tahun 1986 apabila kawasan ini mula diterokai, petempatan Felda Sahabat memerlukan sekurang-kurangnya 4,000 orang pekerja bagi memenuhi permintaan untuk melaksanakan proses pembangunan di kawasan ini. Pada masa itu, pihak Felda berjaya memperoleh pekerja asing yang berasal dari Indonesia dan selatan Filipina yang kebanyakannya tidak mempunyai permit kerja yang sah untuk memenuhi keperluan buruh di kawasan ini.<sup>51</sup> Oleh itu, kebergantungan kepada tenaga kerja asing adalah sangat tinggi di kawasan ini. Malahan sehingga ke hari ini pekerja asing merupakan sumber tenaga buruh utama kepada ladang-ladang Felda yang terdapat di

---

<sup>49</sup> Temu bual dengan Markus Sungkiam, 8-14 September 2014.

<sup>50</sup> Temu bual dengan Markus Sungkiam. 8-14 September 2014.

<sup>51</sup> Shamsul Bahrin dan Lee Boon Thong, *FELDA 3 Decades of Evolution*, (Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 1988), hlm. 68

kawasan ini. Oleh itu, jatuh-bangun Felda banyak ditentukan oleh jumlah tenaga kerja yang menjadi tulang belakang kepada sektor perladangan ini.

Pada tahun 2008 sahaja, ladang Felda Plantation Sdn Bhd memerlukan sekurang-kurangnya 10,524 orang tenaga buruh untuk ladang yang berkeluasan 106,919 hektar. Pada ketika itu Felda hanya mempunyai seramai 7,688 orang tenaga buruh di mana 6975 orang adalah pekerja asing dan 713 orang adalah pekerja tempatan.<sup>52</sup> Malahan kebergantungan ini juga tidak hanya kepada syarikat Felda mengusahakan beribu-ribu hektar tanah, tetapi ia turut berlaku kepada peneroka Felda di kawasan ini. Hal ini dengan jelas menunjukkan penggunaan yang besar buruh asing yang sangat mendesak di kawasan ladang-ladang yang terdapat di kawasan ini. Keadaan ini tidak mengambilkira keperluan pekebun-pekebun kecil di kawasan ini serta sektor perikanan yang turut sama bergantung kepada tenaga kerja asing di kawasan ini. Dengan kata lain, selagi kebergantungan tenaga kerja asing di sektor-sektor utama yang menjadi nadi utama ekonomi ini berterusan di kawasan ini secara khususnya, dan Sabah secara amnya, selagi itulah masalah pendatang kerja asing tidak akan dapat diselesaikan. Hal yang sama turut dialami dalam kalangan komuniti yang berada di kawasan ini di mana persepsi bahawa ESSCOM tidak dapat menyelesaikan beberapa masalah di kawasan ini adalah disandarkan oleh faktor-faktor kebergantungan penduduk-penduduk kampung ini ke atas tenaga kerja asing luar. Dengan kata lain, tanpa tenaga kerja ini, maka ekonomi syarikat besar dan penduduk-penduduk di kawasan ini akan mengalami masalah yang besar.

Selain itu, satu lagi isu yang perlu diambil perhatian apabila memperkatakan mengenai keselamatan di kawasan ESSZONE ini adalah berkait dengan penyeludupan. Ini kerana kedudukan kawasan ini yang berada di pesisir pantai menghadap ke arah Filipina sering memudahkan aktiviti penyeludupan di kawasan ini. Oleh itu, salah satu isu yang utama di kawasan ini adalah berkait dengan isu penyeludupan barang-barang sama ada dari Filipina (seperti dadah, rokok dan sebagainya) atau Malaysia (seperti gula, minyak dan barang-barang subsidi lain. Dengan penubuhan ESSCOM, ramai pihak menjangkakan isu penyeludupan merupakan satu isu yang akan dapat diselesaikan di kawasan ini. Ini kerana, penubuhan ESSCOM akan dapat menyekat kesemua aktiviti-aktiviti tersebut.

Dalam hal ini, seramai 73.61 peratus responden menyatakan bahawa penyeludupan barang di kawasan mereka sukar diselesaikan. Persepsi penduduk ini didorong oleh kedudukan Felda Sahabat dan kawasan sekitarnya yang berhampiran dengan Filipina. Sebagai contoh, kampung Tanjung Labian, Tambisan, Felda Sahabat dan Lok Buani antara

---

<sup>52</sup> Faizul Ramli, *Implementasi Mekanisasi di Ladang Sawit di Sabah: Amalan dan Masalah*, (Disertasi, Universiti Malaysia Sabah, 2010), hlm. 7.



kawasan yang berhampiran dengan Filipina. Malahan dalam keadaan cuaca yang cerah, Filipina dapat dilihat daripada beberapa kawasan pesisir pantai di kawasan ini.<sup>53</sup> Jarak petempatan yang berdekatan dengan Filipina antara punca utama isu penyeludupan mudah dijalankan. Selain itu, salah seorang responden menyatakan bahawa wujudnya pelbagai lorong-lorong tikus di kawasan ini yang menyebabkan aktiviti penyeludupan sukar di atasi. Selain itu, wujudnya permintaan yang tinggi terhadap barangan Malaysia di Filipina atau barangan Filipina di Malaysia meningkatkan lagi kecenderungan untuk menjalankan aktiviti ini. Di kawasan ini misalnya terdapat penduduk tempatan yang menjual barang bagi mengaut keuntungan, barang-barang seperti beras, minyak masak, petrol, tepung dan gula antara barangan yang mendapat permintaan tinggi dari Filipina.<sup>54</sup> Oleh itu, tidak menghairankan apabila wujudnya persepsi yang melihat bahawa isu ini tidak akan dapat diselesaikan walaupun ESSCOM telah diwujudkan.

Oleh itu, secara keseluruhannya dapatlah dinyatakan bahawa penduduk di gugusan Felda melihat bahawa kehadiran ESSCOM di kawasan mereka akan memberikan kesan yang besar kepada keselamatan penduduk di kawasan ini. Dengan kata lain, mereka melihat bahawa ESSCOM berjaya berfungsi dengan baik dalam menjamin keselamatan penduduk. Hal ini tidak menghairankan kerana selepas berlakunya insiden Tanduo pada 2013, penduduk di kawasan ini tidak pernah mengalami masalah penculikan, rompakan di laut dan sebagainya. Ini menjadi testimoni yang paling penting dalam melihat kejayaan ESSCOM dalam menjamin keselamatan di kawasan ini. Penduduk dalam masa yang sama tidak lagi berasa bimbang akan keselamatan mereka sama ada daripada ancaman dalaman atau luaran kerana kehadiran tentera yang tinggi di kawasan ini. Malahan terdapat beberapa individu yang ditemubual menyatakan bahawa ESSCOM bukan sahaja akan memberikan jaminan keselamatan kepada penduduk, tetapi kehadiran anggota tentera yang ramai di kawasan ini akan mengubah lanskap ekonomi dan menjadi enjin kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan kerana peningkatan jumlah anggota tentera dan penduduk di kawasan terbabit.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas menunjukkan wujudnya perbezaan persepsi antara komuniti ESSZONE di Lahad Datu dengan persepsi masyarakat luar mengenai peranan dan fungsi ESSCOM dalam menjamin keselamatan negeri Sabah.

---

<sup>53</sup> Ramli Dollah, Lanun atau *Mundu* Di Sabah, *Jati*, (bil.9, Disember 2004), hlm. 226. Rujuk juga Mohd Zambri bin Suharani, *Sejarah Komuniti Peneroka di FELDA Sahabat (1979-2010)*, hlm.198.

<sup>54</sup> Kajian lapangan pada 8 - 14 September 2014, FELDA Sahabat.

Komuniti ESSZONE di Lahad Datu menerima kehadiran anggota ESSCOM kerana mereka melihat ESSCOM sebagai satu mekanisma dalam menjamin keselamatan penduduk di sempadan yang dahagakan elemen-elemen keselamatan yang selama ini kurang diberikan penekanan. Hal ini kerana, dalam kalangan komuniti ESSZONE di gugusan Felda Sahabat melihat bahawa penubuhan ESSCOM merupakan satu jaminan keselamatan di kawasan mereka. Hal ini berbeza dengan persepsi masyarakat luar yang dilihat hanya tahu mengkritik dan tidak pernah menyelami perasaan penduduk yang terkesan akibat ancaman keselamatan di kawasan terbabit. Dalam hal ini, penulis melihat faktor dominan yang mempengaruhi persepsi ini adalah disebabkan oleh cara bagaimana isu tersebut difahami (pendekatan material vs. bukan-material), seperti yang dibincangkan awal di atas. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa persepsi komuniti ESSZONE ini seharusnya menjadi keutamaan ESSCOM dalam menentukan dasar dan hala tuju institusi keselamatan tersebut. Dengan kata lain, ESSCOM walaupun dikritik oleh ramai pihak luar, namun hakikatnya institusi ini telah berjaya mencapai matlamat dan fungsi penubuhannya iaitu menjamin keselamatan penduduk di kawasan pantai Timur Sabah. Ini dapat dilihat daripada peratusan yang tinggi apabila isu-isu berkait dengan keberkesanan dan kejayaan ESSCOM dalam memulihkan semangat penduduk di kawasan ini yang amat terkesan akibat daripada insiden pencerobohan Tandu. Namun, beberapa perkara lain turut perlu diperbaiki terutamanya dalam 'merakyatkan ESSCOM' dan menjadikan organisasi ini sebagai satu badan yang berkhidmat untuk masyarakat seterusnya mewujudkan hubungan yang rapat dengan penduduk bagi memastikan kelangsungannya dan kejayaannya sebagai satu organisasi yang boleh diterima penduduk di di gugusan Felda Sahabat secara amnya dan wilayah ESSZONE secara amnya, seterusnya menjamin keselamatan negeri Sabah secara keseluruhannya.

### Rujukan

- "Backpackers Operators Association also slams Nazri", *Borneo Post*, 21 Nov. 2014
- "ESSCOM failed, DG must go", *The Free Malaysia Today*, 3 April 2014
- "Esscom really a toothless tiger?", *The Malaysian Insider*, 6 April 2014
- "ESSCOM, ESSZONE not a vote-fishing scheme", *The Borneo Insider*, 3 Apr. 2013
- "ESSZONE kurang baik untuk jangka panjang", *Harian Express*, 13 April 2013
- "Kit Siang, Pakatan trio to probe into effectiveness of Sabah maritime force", *The Malaysian Insider*, 15 Apr. 2014

- "Media statement by Chan Foong Hin in Semporna on Thursday", *DAP Malaysia*, <http://dapmalaysia.org/>, 3rd April 2014
- "Najib on 4 aspects Esscom cannot compromise on", *Daily Express*, 14 Apr. 2013
- "Patriotisme mampu peringkat keselamatan Sabah", *Berita Harian*, 10 Mei 2014
- "Pencerobohan makin serius di perairan Sabah, ESSCOM terbukti gagal", *Rocketkini.com*, 8 April 2014
- "Penculikan di pantai timur Sabah: Muhyiddin kecewa dah labur RM300 juta pada ESSCOM, keselamatan Sabah masih terancam," *Harian Metro*, 29 September 2014.
- "Penubuhan ESSCOM langkah bijak", *Utusan*, 24 Sept. 2014
- "People questioning ESSCom's effectiveness - Lajim", *Borneo Post*, 17 July 2014
- "Polis Isytihar Perintah Berkurung di Enam Daerah ESSZONE", *ESSCOM Times*, [esscom.gov.my/](http://esscom.gov.my/) diakses pada 19.10.2014.
- "Sabah foreign intrusion proves failure of Putrajaya's security zone, opposition says", *The Malay Mail*, 16 Nov. 2013
- "Sabah security zone failed, so seek UN's help, Putrajaya told", *The Malaysian Insider*, 19 Nov. 2013
- "Satu Lagi Kes Penculikan Berlaku di Kawasan Pantai Timur Sabah", *Astro Awani*, 29 Sept. 2014.
- "Security area to be called 'Esscom'", *Borneo Post*, 12 March 2013
- "Taiwan Media: Chang An-wei's Family Paid RM800,000 Ransom", *The Rakyat Post*, 21 Dec 2014, <http://www.therakyatpost.com>
- "TPM kecewa ESSCOM belum mampu kekang penculikan", *Borneo Post*, 08 Mei 2014
- "Zahid: Foreign vessels to follow designated routes off east coast of Sabah", *The Star*, 07 May 2014
- Buzan, Barry., *People, States and Fear: An Agenda for International Security Studies in the Post-Cold War Era*, 2<sup>nd</sup> Edition, (Boulder: Lynne Rienner, 1991).
- Chong Sin Woon, "Press Statement by MCA National Youth Chief YB Chong Sin Woon slam abductions in Sabah", <http://www.mca.org.my/>, 7 May 2014
- En. Kamal. Temubual, 8-14 September 2014.
- En. Markus, Temubual, 8-14 September 2014.
- En. Saharani, Temubual, 8-14 September 2014.

- ESSCOM, *Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah*, Buletin Esscom, April-Oktober 2013, (Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan, 2013).
- Faizul Ramli, *Implementasi Mekanisasi di Ladang Sawit di Sabah: Amalan dan Masalah*, (Disertasi, Universiti Malaysia Sabah, 2010), hlm.7.
- Hasbullah Awang Chik, "Ahli Parlimen BN Sabah desak Esscom dibubarkan", *The Malaysian Insider*, 07 April 2014
- Heisler, Martin and Zig Layton-Henry, "Migration and the links between social and societal security" dalam Ole Wæver, *et. al*, (Eds.) *Identity, Migration and the New Security Agenda in Europe*, (London: Pinter, 1993)
- Hj Ahmad, Temubual, 8-14 September 2014.
- James Collins, Ramli Dollah & Zaini Othman, "Pengaruh Persekitaran Fizikal Geografi Terhadap Keterancaman Persempadanan Pantai Timur Sabah", manuskrip yang tidak diterbitkan, 2014
- Kajian lapangan pada 8 - 14 September 2014, FELDA Sahabat.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), hlm.1025.
- Liana Amin, *Persepsi Masyarakat Terhadap Dominasi Gender dalam Bidang Perhubungan Awam*, (Latihan Ilmiah, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2008), hlm. 11.
- Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Ucapan Bajet Tahun 2015, (*Dewan Rakyat*, 10 Oktober 2014)
- Mohd Zambri bin Suharani, *Sejarah Komuniti Peneroka di FELDA Sahabat (1979-2010)*, (Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu, 2010) hlm.67
- Muguntan Vanar, "Esszone curfew extended till Jan 9", *The Star*, 24 Dec. 2014
- Nazri Abdullah "Ghafur desak Junaidi letak jawatan, bubar Esscom", *Harakahdaily*, 07 April 2014
- Ramli Dollah, Lanun atau *Mundu* Di Sabah, *Jati*, (bil.9, Disember 2004),
- Rashidah Binti Kalipunya, *Persepsi Penduduk Bandar raya Kota Kinabalu Terhadap Kempen Kitar Semula*, (Latihan Ilmiah, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007)
- Shamsul Bahrin dan Lee Boon Thong, *FELDA 3 Decades of Evolution*, (Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 1988),
- Walt, Stephen., *The Origins of Alliance* (Ithaca, NY: Cornell University Press, 1987)
- Weiner, Myron, "Security, Stability, and International Migration", *International Security*, Vol. 17(3), (1992-1993), Hal. 91-126